



GARIS PANDUAN PERMIT SEMENTARA KAKI LIMA

MELETAK KERUSI & MEJA

1. Melampirkan lesen perniagaan dari Majlis Perbandaran Kajang (MPKj).
2. Waktu yang dibenarkan adalah seperti berikut:-

Bil.	Kategori	Waktu
1.	Premis AA	8.00 pagi – 1.00 tengahari
2.	Premis BB	10.00 pagi – 6.00 petang
3.	Premis CC	6.00 petang - 12.00 tengah malam

3. Tempoh permit yang dibenarkan adalah selama satu (1) hingga enam (6) bulan untuk setiap permohonan dan perlu diperbaharui sebelum tamat tempoh tersebut.
4. Mematuhi had bilangan kerusi dan meja dan had masa operasi yang diluluskan oleh Jabatan Pelesenan dan Penjaja MPKj.
5. Kebersihan tempat / kawasan sekitar dan kawasan yang digunakan untuk meletakkan kerusi meja tersebut perlu diselenggara dan di jaga dengan baik semasa berniaga dan selepas tamat waktu berniaga. Sebarang kos pembersihan kawasan sekiranya dilaksanakan oleh pihak lain akan ditanggung oleh pemilik restoran / kedai makan berkenaan dan menyediakan tong sampah yang secukupnya yang bersih dari sebarang kekotoran.
6. Meja dan kerusi yang digunakan pada sebelah malam hendaklah dialihkan dan disimpan secara tersusun di dalam premis dan tidak mengganggu laluan tempat awam atau menyebabkan kacau ganggu kepada pihak lain. Tidak dibenarkan sama sekali meninggalkan / meletak / menyimpan peralatan (tiada sebarang struktur kekal dibenarkan) di tempat yang digunakan sebagai tempat tambahan untuk perniagaan selepas sahaja waktu dibenarkan.
7. Tidak dibenarkan sama sekali meninggalkan atau meletakkan gerai sementara atau 'stall' untuk tujuan masakan atau sebarang bentuk dapur untuk tujuan memasak / membakar / mengoreng di kawasan yang di sewa.
8. Peniaga adalah tertakluk kepada peraturan dan undang-undang yang ditetapkan oleh pihak Majlis dan jika terdapat aduan-aduan berasas, MPKj boleh **MEMBATALKAN** permit dengan serta merta tanpa sebarang notis pemberitahuan.
9. Tiada pengembalian wang kepada peniaga yang telah dibatalkan permit semmentaranya.



10. Pemohon hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap keselamatan pelanggan mereka dengan mengambil insurans tanggungan awam '*Public Liability Insurance*' dan menyerahkan sesalinan kepada Bahagian Pelesenan MPKj.
11. Kadar bayaran yang dikenakan adalah mengikut kategori yang dibenarkan seperti berikut:-

1 - 5 unit meja	- RM 100.00
1 - 10 unit meja	- RM 250.00
1 - 20 unit meja	- RM 400.00
21 unit meja dan ke atas	- (+RM50 / Meja)
1 pelekot permit meja dan kerusi	- RM3.00 / Meja
12. Perlu menampalkan pelekot permit di meja.
13. Pemohon **TIDAK DIBENARKAN** sama sekali meletak kerusi dan meja di atas jalan serta tempat letak kereta.
14. **PERINGATAN :** Pihak MPKj tidak akan bertanggungjawab di atas apa jua bentuk kemalangan / kecederaan / kehilangan / kecurian yang berlaku semasa tempoh perniagaan dijalankan.
15. Sebarang syarat-syarat yang dikenakan tertakluk kepada pindaan pihak MPKj dari semasa ke semasa.